

## KERATAN AKHBAR

# Harian Metro

TAJUK : KUMPULAN SRI MAKMUR POLISAS JUARA DIKIR BARAT  
TARIKH : 16 OKTOBER 2010 (SABTU)



Sabtu, 16 Oktober 2010  
8 Zulkaedah 1431

AKHBAR HARIAN BAHASA MALAYSIA

www.hmetro.com.my Edisi Timur

PP 7273/03/2011 (029376)  
Harga: RM 1.50  
Sabah/Sarawak: RM 2.30

### Kumpulan Sri Makmur Polisas juara dikir barat

**KUANTAN:** Kumpulan Sri Makmur Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas), di sini, muncul johan dikir barat sempena Festival Kesenian Islam Kementerian Pengajian Tinggi Peringkat Kebangsaan 2010 di politeknik berkenaan, kelmarin.

Kumpulan berkenaan yang mewakili zon timur menewaskan empat politeknik di peringkat akhir iaitu Politeknik Kota Kinabalu (Borneo), Politeknik Sultan Idris Shah (selatan), Politeknik Port Dickson (tengah) dan Poli-

teknik Seberang Perai (utara).

Kejayaan itu membolehkan Sri Makmur meraih wang tunai RM600 dan cenderahati. Lebih membanggakan, Muhammad Fadhil Rushdan Md Kail dari kumpulan itu dinobatkan sebagai tukang karut terbaik.

Penasihat kumpulan, Mohd Amran Che Mood berkata, kumpulan yang baru ditubuhkan Ogos lalu membuktikan berkat kesungguhan dan semangat berpasukan membantu meraih kejayaan.

"Impian muncul johan peringkat kebangsaan sudah direalisasikan dan berharap kejayaan ini memberi inspirasi terbaik untuk mengharumkan nama Polisas," katanya.

Katanya, Sri Makmur ditubuhkan bagi meneruskan kesinambungan seni warisan masyarakat Melayu iaitu dikir barat yang terkenal di Kelantan.

"Objektif penubuhan kumpulan ini ialah mencungkil bakat di kalangan pelajar Polisas serta menyuntik semangat kerjasama," katanya.



**JUARA...**kumpulan Sri Makmur dinobatkan juara dikir barat sempena Festival Kesenian Islam, kelmarin.

